

# Laluan Berkhutbah

*Sebuah penerbitan Pusat Pengajian Lutheran di Seminari Teologi Sabah*

## Topic: Pemuridan dan janji Penjelmaan

Kita sering memikirkan Penjelmaan itu sebagai satu tindakan yang telah selesai. Kita berfikir bahawa di dalam kelahiran Yesus kita melihat satu tindakan Allah yang mengubah segala-galanya. Kedamaian, kasih dan sukacita telah dibawa ke dalam dunia dengan cara yang baru melalui kelahiran ini. Namun pada hakikatnya, kelahiran Yesus hanya membawa impak yang minimum kepada kehidupan di bumi. Untuk waktu yang singkat beberapa orang bersukacita, tetapi tidak banyak perubahan pun. Sebaliknya, apa yang kita lihat dalam kelahiran Yesus adalah satu janji. Ia adalah janji dari apa yang Allah akan lakukan di dalam/ melalui Yesus. Namun pernyataan penuh akan kebenaran janji ini mengambil sedikit masa untuk didedahkan.


Ia hanya selepas kehidupan, kematian dan kebangkitan Yesus, dan melalui kehadiran berterusan Roh Kudus, bahawa kuasa penyelamatan akan kelahiran ini dapat diketahui. Sesungguhnya, ia hanyalah Maria, ibu Yesus yang akan melalui perkembangan keseluruhan ini bermula daripada mendengar janji-janji yang datang pada waktu kelahiran Yesus sampai kepada melihat pelayanan-Nya yang memberi hidup untuk memahami kuasa mengubah kebangkitan-Nya.

Ini bukanlah waktu yang cepat dan mudah untuk menyaksikan kuasa Allah, tetapi di sebaliknya belajar melalui ketahanan sabar akan cabaran untuk menjadi pengikut Kristus melalui semua kesukaran di dalam hidup-Nya. Jadi, begitu juga bagi kita, kita terlalu cepat menghadkan Penjelmaan kepada meraikan Natal untuk beberapa hari sahaja, dan bukannya melihat ia sebagai satu janji yang ada di dalam Kristus, "Allah beserta kita." Kebenaran tentang satu janji yang luar biasa hanya boleh menjadi kenyataan sepenuhnya dari masa ke masa, semasa kita datang untuk memahami penjelmaan sebagai jemputan untuk hidup atas janji-janji Allah di dalam Kristus melalui menjadi seorang pengikut.

Written by Rev. Dr. Eric Trozzo, Director of the Lutheran Study Centre at STS.  
Edited by Rev. Wendolyn Trozzo, coordinator for congregational outreach at the Lutheran Study Centre.

## Tex Alkitab: Lukas 2: 8-20

Lukas 2: 8-20 adalah kisah para gembala di ladang sekitar Betlehem pada malam Yesus dilahirkan. Seorang malaikat menjelma kepada mereka dan mengumumkan bahawa Mesias telah lahir, dan boleh ditemui terbaring di dalam palungan. Malaikat itu kemudiannya disertai oleh sejumlah bala tentera syurgawi yang memberi pujian kepada Allah. Kemudian para gembala pergi ke Betlehem untuk mencari anak itu. Mereka mendapati Maria, Yusuf, dan bayi itu, dan memberitahu semua orang tentang apa yang mereka telah lihat. Kemudian mereka kembali sambil memuliakan Allah.



# Pemuridan dan Janji Penjelmaan

**Hukum di dalam teks:** Walaupun cerita ini kelihatan agak gembira, dengan semua orang yang terlibat memuji Allah, ia adalah menarik bagaimana sukacita ini sementara sahaja. Ia akan kelihatan seolah-olah bahawa selepas peristiwa yang begitu menakjubkan itu orang ramai akan berkerumun mengelilingi Yesus sewaktu Dia membesar, menunggu Dia untuk memenuhi pengumuman malaikat bahawa Dia adalah Mesias. Namun, ini tidak berlaku. Seperti yang kita baca di dalam Lukas, kita melihat bahawa pelayanan Yesus bermula secara senyap-senyap dengan orang ramai hanya mula berkumpul pada kemudian hari. Malah pelayanan-Nya bermula dengan Dia diusir keluar dari Nazaret.

Para gembala memberitahu siapa sahaja yang mereka temui tentang apa yang mereka telah lihat, dan ia menakjubkan setiap orang (ay. 18), namun hanya Maria yang mengingati berita sukacita ini, serta menyimpannya di dalam batinnya. Yang lain senang hati menikmati cerita menakjubkan ini tetapi tidak mengizinkan ia menyentuh hati mereka secara mendalam. Sarjana Alkitab Raymond Brown berpendapat bahawa mereka adalah seperti orang-orang yang ada dalam perumpamaan di dalam Lukas 8:13 yang menerima firman itu dengan sukacita tetapi tidak berakar dan dengan secepatnya menjadi layu. Sementara itu, para gembala sendiri tetap memuji Allah dengan apa yang mereka telah lihat dan dengar. Namun mereka tidak muncul lagi di dalam Injil. Tidak ada tanda sebarang pertumbuhan dalam pemuridan selepas masa ini. Tidak ada tanda bahawa mereka pernah datang untuk memahami dalam cara apa Yesus itu adalah Mesias.

**Transformasi:** Walaupun cerita ini kelihatan agak gembira, dengan semua orang yang terlibat memuji Allah, ia adalah menarik bagaimana sukacita ini sementara sahaja. Ia akan kelihatan seolah-olah bahawa selepas peristiwa yang begitu menakjubkan itu orang ramai akan berkerumun mengelilingi Yesus sewaktu Dia membesar, menunggu Dia untuk memenuhi pengumuman malaikat bahawa Dia adalah Mesias. Namun, ini tidak berlaku. ... (ke p. 3)

**Injil di dalam teks:** Berita Baik dalam teks ini adalah sangat mudah: Mesias telah lahir. Namun, ia adalah penting untuk diperhatikan bahawa di dalam cerita itu sendiri tidak mencapai apa-apa. Di sebaliknya, Berita Baik di sini adalah janji apa yang akan terjadi kelak. Sebagai contoh, sejumlah bala tentera syurgawi sudah mengetahui kepentingan peristiwa ini lalu bala tentera syurgawi itu memuji Allah di tempat yang maha tinggi dan mengisytiharkan damai sejahtera atas bumi. Ini adalah sama dengan teriakan yang telah dilakukan oleh sejumlah besar murid di dalam Lukas 19:38 ketika Yesus memasuki Yerusalem. Murid-murid di sana menggemakan malaikat dengan mengisytiharkan "damai sejahtera di syurga dan kemuliaan di tempat yang maha tinggi!". Kedua-duanya adalah unik menurut laporan Lukas. Oleh itu, pujian para malaikat adalah janji yang kemudian diterima oleh murid-murid di dalam iman. Ini adalah pemindahan janji syurgawi tentang Mesias yang para malaikat berikan kepada tugas kerasulan pemberitaan iman di dalam Kristus akan terjadi. Kepentingan akan semua ini kemudiannya dibuat jelas melalui



# Pemuridan dan Janji Penjelmaan

**Transformasi:** . . . Seperti yang kita baca di dalam Lukas, kita melihat bahawa pelayanan Yesus bermula secara senyap-senyap dengan orang ramai hanya mula berkumpul pada kemudian hari. Malah pelayanan-Nya bermula dengan Dia diusir keluar dari Nazaret.

Para gembala memberitahu siapa sahaja yang mereka temui tentang apa yang mereka telah lihat, dan ia menakjubkan setiap orang (ay. 18), namun hanya Maria yang mengingati berita sukacita ini, serta menyimpannya di dalam batinnya. Yang lain senang hati menikmati cerita menakjubkan ini tetapi tidak mengizinkan ia menyentuh hati mereka secara mendalam. Sarjana Alkitab Raymond Brown berpendapat bahawa mereka adalah seperti orang-orang yang ada dalam perumpamaan di dalam Lukas 8:13 yang menerima firman itu dengan sukacita tetapi tidak berakar dan dengan secepatnya menjadi layu. Sementara itu, para gembala sendiri tetap memuji Allah dengan apa yang mereka telah lihat dan dengar. Namun mereka tidak muncul lagi di dalam Injil. Tidak ada tanda sebarang pertumbuhan dalam pemuridan selepas masa ini. Tidak ada tanda bahawa mereka pernah datang untuk memahami dalam cara apa Yesus itu adalah Mesias.

## Mengajar Hukum Taurat dan Injil

Melalui hukum Taurat, Allah memberitahu kita visi-Nya tentang kehidupan yang sepatutnya di dunia ini. Hukum Taurat memberitahu kita apa yang Allah memerintahkan kita lakukan. Namun, jika kita mengambil perintah Allah dengan serius, kita akan menyedari betapa jauhnya kehidupan kita dari visi Allah. Dengan itu, hukum Taurat menunjukkan kepada kita dosa kita. Hukum Taurat memberitahu kita apa yang perlu kita lakukan, tetapi sebenarnya ia membuatkan kita sedar bahawa ia adalah di luar kuasa kita untuk mencapainya. Injil pula memberitahu kita apa yang dilakukan oleh Allah. Walaupun kita gagal, Allah bertindak dengan rahmat. Apabila rahmat Tuhan datang kepada kita, bukan sahaja kita diampuni dosa kita, tetapi Roh Kudus memberi kuasa kepada kita untuk berkhidmat kepada Allah kerana cinta. Apabila mendengar Injil, hati kita berubah. Dalam sesuatu khutbah, kita mendengar hukum Taurat yang memberitahu kita tentang tindakan manusia dan mendedahkan kepada kita segala dosa kita, dan kemudian kita mendengar Injil tentang kasih setia dan rahmat Allah. Kedua-dua ini bersama-sama membawa perubahan pada hati. Dalam *Laluan Berkhutbah*, untuk setiap teks alkitabiah, kami akan mempertimbangkan bagaimana hukum Taurat bercakap melalui teks tersebut, bagaimana Injil bercakap melaluinya, dan transformasi yang berlaku melalui Firman Allah.

**Ahli-ahli teologi berkata:** "Beberapa orang mungkin kemudian bertanya mengapa Allah tidak menampakkannya dengan cara lain dan bahagian-bahagian ciptaan yang lebih mulia, dan menggunakan beberapa alat yang lebih mulia, seperti matahari atau bulan atau bintang atau api atau udara, melainkan hanya sekadar manusia sahaja? Jawapannya adalah ini: Tuhan tidak datang untuk membuat paparan. TUHAN datang untuk menyembuh dan mengajar manusia yang menderita. Bagi seseorang yang hanya mahu membuat paparan tentang perkara yang akan menjadi ia muncul hanya untuk menarik hati orang yang melihatnya. Tetapi bagi Dia yang datang untuk menyembuh dan mengajar jalan bukan semata-mata untuk diam di sini, tetapi untuk meletakkan diri-Nya di tempat yang boleh dijangkau mereka yang memerlukan-Nya, dan yang akan dinyatakan seterusnya kerana mereka boleh menanggungnya, tidak merosakkan nilai Ilahi yang kelihatan dengan melebihi keupayaan mereka untuk menerimanya." - St. Athanasius, Bapa Awal Gereja, Pada Penjelmaan 7:43

# Pemuridan dan Janji Penjelmaan

## Renungan Teologi mengenai Doktrin


Kita sering menganggap kelahiran Yesus itu sebagai detik kemenangan yang besar. Kita menganggap Raja Damai telah tiba di dunia, dan jurang besar antara Allah dan manusia telah dirapatkan. Namun kita lihat di sini bahawa penjelmaan adalah pada asasnya janji apa yang akan terjadi nanti. Ia tidak, sehinggalah pada hari Paskah di mana makna sebenar kelahiran Yesus dapat diketahui. Ia hanyalah melalui pelayanan, kematian, dan kebangkitan-Nya di mana kebenaran apa yang dimaksudkan yang Dia adalah Mesias boleh diketahui. Ia hanyalah melalui salib dan kebangkitan yang jurang besar antara Allah dan kemanusiaan dapat dirapatkan. Pada masa Natal, kita menerima janji bahawa, melalui Kristus, kemanusiaan akan menjadi sembuh dan damai Pemerintahan Allah boleh datang ke bumi. Namun dunia kita masih menunjukkan sedikit tanda penyembuhan dan kedamaian itu. Dosa, peperangan, dan perselisihan faham adalah berleluasa.



Ramai orang Kristian kemudian menganggap mesej penjelmaan sama seperti dengan para gembala dan kebanyakan mereka yang mengongsikan pengalaman mereka pada hari itu. Mereka mendapati ia adalah suatu idea yang menggembirakan dan menghiburkan bahawa Allah datang ke dunia, tetapi berfikir tidak lebih daripada itu. Namun mesej penjelmaan adalah salah satu mesej yang memerlukan kesabaran untuk memberi inspirasi kepada iman yang mendalam. Ia membawa kita untuk mengikuti salib, mengikuti Kristus ke dalam hidup yang tidak menggembirakan dan tidak menghiburkan tetapi membawa kepada penyembuhan dan mewujudkan kedamaian. Iaitu, janji penjelmaan memanggil kita untuk mengikuti jalan salib. Ia menanam dalam kita suatu iman yang boleh mengekalkan perjuangan terhadap dosa, peperangan, dan kehancuran akan dunia ini supaya kita boleh mengisytiharkan di dalam iman kemuliaan Allah di tempat yang maha tinggi.

**Ahli-ahli teologi berkata:** "Hanya orang yang rendah hati yang percaya kepada-Nya dan bersukacita bahawa Allah adalah begitu murah hati dan sangat menakjubkan bahawa Dia melakukan keajaiban di mana orang-orang berputus asa, yang Dia mengambil apa yang sedikit dan yang sangat rendah dan menjadikannya menakjubkan. Dan itulah keajaiban dari segala keajaiban, bahawa Allah mengasihi yang rendah hati .... Allah tidak malu akan kerendahan hati manusia. Allah berarak serta merta masuk ke dalam keadaan manusia. Dia memilih manusia sebagai alat-alat-Nya dan melakukan keajaiban-Nya di mana seseorang langsung tidak mengharapkannya. Allah adalah dekat kepada orang yang rendah hati; Dia mengasihi yang sesat, yang diabaikan, yang keji, yang dikucilkan, yang lemah dan hancur" --- Dietrich Bonhoeffer, dari "Allah ada di dalam Palungan: Refleksi pada Advent dan Natal"

#55 Siapakah Bayi Yang Tertidur



**Lagu-Lagu Pujian:** #46 Di Malam Sunyi Betlehem, #62 Bayi Kudus, Bayi Lembut

**Doa:** Bapa surgawi, kasih-Mu kepada kami adalah begitu menakjubkan. Engkau mengasihi kami dengan begitu besar sehingga Engkau mengutus Anak-Mu yang tunggal untuk menjadi Mesias bagi kami, penggenapan nubuatan dan kelahiran janji baru akan keselamatan. Bantulah kami untuk menjadi seperti para gembala yang mengikuti bintang dan membuka hati mereka di dalam pujian. Bantulah kami untuk menjadi seperti Maria, yang mengambil masa untuk menghargai Yesus dan bertumbuh di dalam pemahamannya akan pengharapan yang kami ada dalam Yesus. Terima kasih bagi Yesus, Penyelamat kami, kerana kelahiran, kehidupan, kematian, dan kebangkitan-Nya. Teruslah untuk mengubah kami melalui Yesus, Firman yang Menjadi Manusia. Amin.

# Orang Kudus/Orang Berdosa

**Topik:** Salah satu penemuan terbesar yang Martin Luther telah buat adalah bahawa kita adalah "sentiasa orang kudus dan orang berdosa" - kedua-duanya, pada masa yang sama. Dari iman Katolik, Martin telah pada mulanya membesar melihat bahawa terdapat:

- a) orang-orang kudus, beberapa sahaja yang kudus, umat ajaib yang sudah meninggal dunia dan pergi ke syurga, dan
- b) orang-orang berdosa, yang layak menerima murka Allah dan akan mempunyai masa yang sangat sukar untuk masuk ke syurga.

Tetapi Martin Luther melihat di luar persoalan bagaimana Allah akan menghakimi kita selepas kita meninggal dunia. Dia melihat bagaimana kita hidup sekarang, hari ini. Baginya, perkataan "Kudus" datang dari perkataan suci. Untuk menjadi kudus adalah menjadi dipanggil oleh Allah, yang diasingkan untuk pekerjaan Roh Kudus.

Martin Luther melihat bahawa SEMUA orang Kristian dipanggil oleh Allah, bukan hanya beberapa sahaja. Dia melihat bahawa SEMUA orang Kristian yang sudah dilahirkan dari air dan Roh adalah suci bagi Allah. Dia melihat bahawa SEMUA orang boleh diselamatkan oleh iman dalam Kristus. Jadi, dia menyedari bahawa SEMUA orang Kristian adalah orang-orang kudus. Terutamanya di dalam pembaptisan kita, kita yang ditandai oleh Allah sebagai mempunyai kerja rohani yang baik untuk dilakukan, sebagai yang telah mati dan telah diangkat bagi kehidupan baru, sebagai sebahagian daripada Kerajaan Allah, hari ini. Martin Luther mendapati bahawa setiap orang Kristian adalah kudus. Ini adalah berbeza dari akar Katoliknya, tetapi ia adalah satu penemuan yang menggalakkan Luther untuk memberitahu semua orang yang mereka dipanggil oleh Allah dan mereka adalah suci dan dikasihi.

Kita adalah orang-orang kudus, ya, tetapi pada masa yang sama kita juga adalah orang-orang berdosa. Setiap hari kita memerlukan pengampunan Allah, kerana kita berpaling ke arah dosa, walaupun selepas kita dibaptis, walaupun selepas kita menjadi sebahagian daripada Gereja, walaupun selepas kita membuat keputusan untuk melakukan yang lebih baik. Kita adalah orang-orang berdosa, dan kita memerlukan kasih kurnia Allah untuk menyelamatkan kita. Jadi, kita telah selamat, dalam pembaptisan kita, tetapi kita belum lagi dalam kepenuhan kerajaan Allah. Kita sentiasa orang-orang kudus, dan kita juga sentiasa orang-orang berdosa. Kita adalah kudus, tetapi kita menyakiti Allah dan ciptaan-Nya. Kita dipanggil untuk melakukan kerja-kerja yang baik, tetapi kita sering gagal untuk melakukannya. Kita adalah suci, tetapi kita menganiaya tubuh kita sendiri dan jiran-jiran kita. Kita adalah kedua-duanya orang-orang kudus dan orang-orang berdosa, pada masa yang sama, hari ini.

Allah mengasihi kita sebagai orang-orang kudus, dan Allah mengasihi kita sebagai orang-orang berdosa. Allah memberi kuasa kepada kita untuk berubah setiap hari ketika kita "mengenakan pembaptisan kita" apabila kita mencuci muka kita pada waktu pagi. Kita melihat di cermin dan melihat seseorang yang berdosa dan memerlukan penyelamatan Allah, dan kita melihat seseorang yang kudus yang boleh melakukan perkara-perkara yang ajaib di dalam nama Allah. Ini adalah apa yang dimaksudkan untuk menjadi Orang Kudus/Orang Berdosa - KEDUA-DUANYA.

Ditulis oleh Rev.  
Wendolyn Trozzo,  
Penyelaras Jangkauan  
Berjemaah untuk Lutheran  
Study Centre di STS

# Pemuridan dan Janji Penjelmaan

## Petikan Alkitab: Matius 9: 9-17 panggilan Kristus mendapat tentangan

Petikan ini berlaku di "bandar-Nya sendiri" - di kawasan kuat orang Yahudi. Dalam Injil Matius, tetapan itu mempunyai sejenis perasaan kudus/berdosa - ia adalah orang-orang Yahudi ke atas bangsa-bangsa lain, suci ke atas tidak suci, setia ke atas tidak setia, orang dalam ke atas orang luar, orang kudus ke atas orang berdosa. Orang-orang Yahudi yang memelihara hukum melihat tidak ada keperluan untuk diselamatkan, tetapi nama Yesus, yang diberikan kepada Yusuf oleh seorang malaikat, bermaksud "Allah menyelamatkan." (Matius 1:21) Yesus menjelaskan bahawa orang-orang berdosa tidak berada di luar kasih-Nya atau panggilan-Nya. Yesus memanggil Matius, pemungut cukai, kemudian makan bersama-sama dengan orang-orang berdosa (satu tindakan yang tidak suci, namun Yesus menunjukkannya di dalam Matius 9:1-8 bahawa Dia yang dapat mengampuni dosa dan boleh membuat orang menjadi sihat dan suci).

**Hukum :** Yesus menimbulkan beberapa konflik yang serius di dalam petikan ini, kerana Dia enggan bertindak dengan cara dunia jangkakan Dia akan bertindak. Dia adalah Mesias, lagipun, seseorang yang orang-orang Yahudi telah tunggu-tunggu, dan mereka mengharapkan bahawa Yesus akan menjadi pemimpin politik dan memberi ganjaran kepada mereka bagi kesetiaan mereka. Tetapi Yesus melakukan yang bertentangan: Dia memanggil seorang pemungut cukai (seseorang yang telah mencuri daripada orang-orang Yahudi yang tidak berdaya), makan bersama-sama dengan orang-orang berdosa, dan tidak berpuasa seperti orang-orang Farisi, dan menyembuh dan mengampunkan orang-orang biasa, memberi perhatian-Nya kepada mereka dan memberikan mereka kehidupan baru. ?

(ke p. 7)

**Injil:** Di mana dunia menjangkakan perlakuan dalaman, Allah mengharapkan kita datang ketika Allah memanggil kita. Yesus memanggil orang-orang yang disisihkan menjadi murid-murid-Nya - dan ini adalah berita baik bagi kita hari ini. Kita tidak perlu menjadi yang sempurna untuk dipanggil; kita tidak perlu sudah mengetahui Alkitab untuk menjadi murid Yesus. Kerana Allah adalah begitu baik, Allah meletakkan kebaikan-Nya di dalam kita. Beberapa daripada kita sudah merasa seperti orang-orang kudus, jika kita mempunyai tempat di dalam Gereja, jika kita merasakan kasih Allah di dalam hidup kita, dan orang-orang kudus boleh mendapatkan Yesus, untuk merasa kasih dan hikmat-Nya. Tetapi orang-orang berdosa, tidak pun perlu mencari Yesus - Yesus datang kepada orang-orang berdosa, bercakap dengan mereka, makan bersama-sama dengan mereka, ... (ke p. 7)

# Orang Kudus/Orang Berdosa

## Hukum + Injil = Transformasi

**Hukum :** ...Yesus telah datang ke dalam dunia yang adalah seperti dunia kita pada hari ini: orang mengharapkan kesempurnaan, dan mereka mengharapkan orang di dalam kelompok mereka untuk mendapatkan beberapa perhatian khusus.

Sama ada kelompok itu adalah gereja, memalingkan orang-orang yang tidak "cukup baik" atau perniagaan yang hanya memberi urusan jika anda mempunyai rakan yang bekerja di sana, atau pejabat yang membantu satu kelompok orang tetapi bukan yang lain. Dunia yang mementingkan diri sendiri berkata untuk menjaga orang-orang dalam dan mengabaikan orang-orang luar, tetapi Yesus enggan berbuat demikian. Yesus akan ditolak oleh dunia kerana Dia memilih untuk mendekati setiap orang, sama ada mereka kelihatan seolah-olah orang kudus atau tidak, sama ada mereka adalah Yahudi atau bukan, sama ada orang asing atau bukan. Yesus bukan Mesias yang masyarakat Yahudi jangkakan, lalu mereka menolak keselamatan yang ditawarkan-Nya. Di sinilah kita melihat dunia telah dikutuk oleh hukum Allah. Adakah dunia mempunyai masa depan? Bolehkah dunia diselamatkan?

**Injil: ...** menyembuhkan mereka, mengasihi mereka. Akhirnya Yesus juga akan memberikan tubuh dan darah-Nya, untuk dimakan dan diminum oleh kita dalam perjamuan.

Yesus mengingatkan orang-orang Farisi satu ayat dari kitab Hosea 6:6, " Saya ingin belas kasihan bukan korban sembelihan." Kitab Hosea adalah kisah kenabian tentang dosa Israel dan penebusan Allah (lihat khususnya Hosea 11:9-11). Yesus memberitahu orang-orang itu bahawa belas kasihan adalah lebih penting daripada korban sembelihan - bahawa menjaga bagi yang lemah, yang berdosa, orang yang terbuang adalah lebih penting daripada korban sembelihan di Bait Suci untuk membuat diri anda benar dengan Allah. Yesus mengatakan bahawa belas kasihan adalah lebih penting daripada hukum Taurat - dan dengan itu kita perlu memahami hukum Taurat dari segi belas kasihan. Kita tidak perlu mencari jalan untuk menghakimi orang dan menyakiti mereka, tetapi kita perlu menyayangi mereka dan membiarkan Firman Allah menyembuhkan mereka.

**Transformasi:** Transformasi: Dalam petikan ini, siapa yang ditransformasikan? Di dalam petikan ini, Matius sudah diubah melalui panggilan Yesus. Seseengah tradisi mengatakan bahawa Matius dinamakan Levi, dan bahawa dia menerima nama baru apabila dia menjadi pengikut Yesus. Ingatlah bahawa kita tidak menamakan diri kita sendiri; nama-nama diberikan kepada kita, sama seperti Dia yang memberikan identiti baru kepada Matius, daripada seorang pemungut cukai, yang membahayakan umat Allah untuk kepentingan diri sendiri, menjadi seorang pengikut Yesus yang membantu umat Allah bagi keuntungan Yesus.

Orang-orang berdosa di dalam petikan ini juga boleh berubah menjadi orang-orang kudus, ketika mereka duduk semeja dengan Yesus (suatu gambaran akan perjamuan), mendengar kata-kata-Nya, dan menerima kasih-Nya. Untuk pertama kali, mereka adalah dialu-alukan ke dalam masyarakat orang beriman. Ini adalah seperti orang-orang dalam jemaah kita yang mungkin tidak pasti sama ada terdapat satu tempat untuk mereka di dalam gereja atau di dalam kerajaan Allah - apabila kita memberi mereka makan dengan kasih, dengan persekutuan, dengan firman Allah, dan dengan makanan sebenar juga, mereka mula melihat diri mereka sebagai milik Allah. Ini adalah suatu transformasi yang indah!

Di dalam Injil Matius, orang-orang Farisi tidak berubah; mereka sentiasa ditunjukkan dalam keadaan yang buruk, cuba untuk menipu atau membahayakan Yesus. Namun Yesus masih mengajar mereka; Dia tidak berpaling daripada mereka. Bagi kita, sebahagian daripada tujuan suci kita sebagai orang-orang kudus adalah untuk mengasihi mereka yang sangat mencabar atau tidak menyenangkan.

# Orang Kudus/Orang Berdosa

## Transformasi: (dari p. 7)

... Kita dipanggil untuk bersabar dan untuk melihat yang baik pada seseorang, walaupun orang-orang itu bertindak seperti orang-orang Farisi. Jadi, walaupun dengan situasi yang sukar, kita boleh mendapati diri kita berubah menjadi pengikut Yesus yang penuh kasih, dan kita mungkin menyaksikan transformasi pada orang lain apabila mereka menerima kasih. Orang ramai tidak dapat melihat diri mereka sebagai orang-orang kudus sehinggalah mereka tahu bahawa mereka dikasihi Allah. Misi kita adalah untuk menunjukkan kasih itu kepada orang lain.



**Refleksi Teologi:** Imej kekudusan: Semasa anda berkhotbah, angkat sebiji gula-gula coklat, dan katakan, "Ini adalah baik; saya akan simpan - ia untuk pada masa kemudian" - dan kemudian bertindak seperti anda akan meletakkan coklat itu ke dalam poket anda. Tanya, "Adakah ia satu idea yang baik, untuk menyimpan ini di dalam poket saya?" Tidak, sebab menyimpan ia di dalam poket anda bukanlah tujuan gula-gula itu dibuat, dan ia akan menjadi cair dan sangat kotor. Gula-gula dibuat untuk dinikmati. Mungkin anda boleh memberi gula-gula kepada semua orang dengan gula-gula untuk

dinikmati serta-merta.

Kita adalah seperti gula-gula itu: kita mempunyai tujuan, dan tujuan itu bukan sesuatu untuk masa kemudian. Kekudusan kita bukan hanya untuk di syurga, selepas kita mati. Tujuan kita adalah untuk selamat HARI INI, supaya kita boleh menjadi orang-orang kudus yang menunjukkan kasih Allah HARI INI kepada orang lain. Iman kita bukan sahaja tentang syurga – itu akan menjadi seperti meletakkan gula-gula di dalam poket anda untuk masa kemudian. Allah mahu kita menjadikan dunia ini manis, menghapuskan kepahitan di dunia, hari ini. Yesus mahu Kerajaan Allah untuk datang dekat kepada orang sekarang! Roh memberikan kita panggilan ini dan Yesus mengajar murid-murid-Nya bagaimana menunjukkan belas kasihan kepada orang. Walaupun kita adalah orang-orang berdosa, kita juga adalah orang-orang kudus, dan kita diberikan tujuan yang suci untuk dikongsikan dengan dunia.

## Apa kata para ahli teologi..... Artikel Ketiga: Tentang Pengudusan

Pengakuan Iman berkata: "Aku percaya kepada Roh Kudus; Gereja yang kudus dan am; persekutuan orang kudus; pengampunan dosa; kebangkitan tubuh; dan hidup yang kekal. Amin." <https://archive.org/details/KatekhismusKecilMartinLutherMultiBahasa> (Bahasa Indonesia)

Martin Luther menulis: *Apakah ertinya ini? Saya percaya bahawa dengan akal budi dan kekuatanku sendiri saya tidak dapat percaya kepada Yesus Kristus, Tuhanku, atau datang kepada-Nya. Tetapi Roh Kudus telah memanggil saya melalui Injil, menerangi saya dengan pemberian-Nya, menguduskan dan memelihara saya di dalam iman yang benar, sama seperti Dia memanggil, mengumpulkan, menerangi dan menguduskan seluruh gereja Kristian di dunia dan memeliharanya dalam kesatuan dengan Yesus Kristus di dalam satu iman yang benar; dalam pada gereja Kristian setiap hari Dia mengampuni dengan murah hati semua dosa saya dan dosa-dosa semua orang percaya, dan pada hari yang terakhir akan membangkitkan saya dan semua orang yang telah mati dan akan memberikan kehidupan yang kekal kepada saya dan kepada semua orang yang percaya kepada Kristus. Ini adalah sungguh-sungguh benar.* ... (ke p. 9)

# Orang Kudus/Orang Berdosa

## Apa kata para ahli teologi..... (dari p. 8)

*Nota Penyunting: Perhatikan apa tindakan-tindakan Roh Kudus untuk mengubah orang berdosa menjadi orang kudus:-*

dipanggil melalui Injil, dicerahkan (*cahaya menolong kita melihat dan memahami*)

mengudus (*membuat suci*)

mengampunkan setiap hari (sebab kita masih berdosa setiap hari dan Allah terus menerus membuat kita suci) dan akan membangkitkan kita (*Roh Allah mengangkat kita dari tempat yang hina yang kita pilih melalui dosa kita; kita tidak bekerja untuk mendapatkan tempat kita di dalam kerajaan Allah, ia adalah pemberian daripada Allah Tritunggal – Bapa sebagai Pencipta yang membuat kita baik, Yesus sebagai Penebus yang menghapuskan dosa kita, dan Roh Kudus yang memberi kita hidup baru, yang kudus*).

Kita boleh katakan "Amin" pada akhir Pengakuan Iman kerana kita meletakkan iman kita di tangan Allah. Pengakuan Iman adalah seperti doa, di mana kita memuliakan Allah dan mengundang Allah masuk lebih jauh ke dalam hidup kita sehari-hari.

## Apa kata para ahli teologi lagi...



"Ia telah menjadi pengalaman saya bahawa apa yang menjadikan kita orang-orang kudus Allah bukanlah kemampuan kita untuk menjadi suci, tetapi melainkan kemampuan Allah untuk bekerja melalui orang-orang berdosa. Gelaran 'Kudus' sentiasa diberikan, tidak pernah diperoleh. Atau sebagaimana rasul Paulus yang baik meletakkannya, 'Kerana ia adalah Allah yang bekerja di dalam kamu, yang membolehkan kamu kedua-duanya untuk menghendaki dan untuk bekerja bagi keseronokan-Nya. (Filipi 2:13)."- Pastor Nadia Bolz-Weber, dari buku *Accidental Saints*, muka surat 7. Dia adalah paderi gereja yang dipanggil "Rumah untuk Semua orang berdosa dan kudus" di

Amerika Syarikat.

(Ini adalah "saint // sinner" tetapi jika kamu baca dengan terbalik, "saint" dan "sinner" ada di dalam kedua-dua perkataan. Kita selalu adalah kedua-duanya orang kudus dan orang berdosa.) <http://www.flipscrip.com/ambigram-generator.aspx>

## Lagu-Lagu Pujian:

#81 Roh Kebenaran Penuhi Daku, #293 S'lamat, # 309 Serahkan S'luruh Hidupku, #328 Ada Kuasa Dalam DarahNya

**Doa:** Terima kasih, ya Allah, sebab menyelamatkan kami.

Engkau melihat yang baik pada diri kami yang kami sering abaikannya; Engkau mengampuni dosa-dosa kami dan menjadikan kami suci lagi dan lagi. Engkau memanggil kami untuk menjadi orang-orang kudus, Engkau memberikan kami kurnia-kurnia dan kemahiran supaya kami dapat melayani Engkau. Apabila kami gagal, Engkau mengutus guru-guru dan rakan-rakan Kristian untuk membantu kami. Dan apabila kami tidak dapat memperbaiki segala kesalahan yang kami telah lakukan, Engkau mengampuni kami dan menjadikan kami baru lagi. Terima kasih, ya Allah, sebab menjadikan kami orang-orang kudus. Terima kasih, ya Allah, kerana mengasihi kami walaupun kami berdosa. Terima kasih, ya Allah, kerana menyelamatkan kami. Amin